

CNS8784

R GB 11-12 00219 BH404

BAH

Mahathir - UMNO

UMNO MULA LANGKAH PINDA PERLEMBAGAAN UNTUK LUCUT KEKEBALAN RAJA

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- UMNO akan memulakan langkah meminda Perlembagaan Persekutuan bagi melucutkan kekebalan undang-undang yang diberikan kepada raja-raja kerana kekebalan itu telah dicabuli, kata Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lewat malam tadi.

Katanya, Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang membuat keputusan itu malam ini akan membuat perakuan kepada Dewan Tertinggi Barisan Nasional Sabtu ini untuk mendesak kabinet menggubal pindaan kepada Perlembagaan bagi melucutkan kekebalan raja di bawah undang-undang.

+Memandangkan pencabulan hak-hak ini (kekebalan), Majlis Tertinggi UMNO telah berbincang secara panjang lebar dan berpendapat ia (kekebalan) harus ditamatkan melalui pindaan Perlembagaan,+ katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat tergepar MT UMNO, di sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO mempengerusikan mesyuarat selama lebih dua jam itu di Ibu pejabat UMNO yang dihadiri hampir keseluruhan anggota MT UMNO.

Keputusan yang dicapai UMNO itu beberapa jam selepas Dewan Rakyat mencatat sejarah apabila sebuah usul (mengenai isu Douglas Gomes yang mendakwa dcederakan Sultan Johor) dibentangkan oleh kerajaan mendapat sokongan sebulat suara semua anggota yang hadir, termasuk daripada pembangkang.

Katanya, MT UMNO berpendapat bahawa kekebalan undang-undang yang diberikan kepada raja-raja sewaktu ia digubal bukan bertujuan untuk menggalakkan perbuatan bercorak jenayah seperti memukul, menyeksa dan membunuh rakyat. -- Lagi.

711/12/00-30MST

CNS8786

R GB 11-12 00164 BH485

BAH

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Sebaliknya, kata beliau, kekebalan itu bertujuan memberi penghormatan kepada raja dan sebagai mengiktiraf kedudukannya yang melebihi daripada rakyat.

Katanya, MT UMNO yakin keputusan melucutkan kekebalan itu adalah selaras dengan kehendak rakyat seperti yang jelas ditunjukkan semasa perbincangan usul Raja Berperlembagaan di Dewan Rakyat semalam yang mendapat sokongan sebulat suara termasuk daripada pembangkang.

+Kita sedar akan ada halangan-halangan (ketika meminda Perlembagaan) tetapi kita akan berusaha memenuhi hasrat rakyat supaya mereka dilindungi oleh undang-undang,+ katanya merujuk kepada peruntukan Perlembagaan yang menyebut bahawa setiap pindaan yang melibatkan kedudukan atau hak-hak raja-raja hanya boleh dilakukan dengan persetujuan Majlis Raja-raja sendiri.

Sambil menyatakan keyakinannya bahawa usaha UMNO itu akan berjaya, beliau berkata, parti tersebut akan mengambil segala tindakan yang perlu untuk memenuhi hasrat rakyat itu.

Katanya, mesyuarat tergepar MT UMNO malam tadi amat kesal dengan apa yang telah berlaku terhadap seorang rakyat Malaysia, Douglas Gomez, yang telah dcederakan Sultan Johor. -- Lagi.

711/12/00-39MST

CNS8788

R GB 11-12 00191 BH486

BAH

Mahathir - UMNO 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, daripada perbahasan di Dewan Rakyat senalam adalah jelas kes Gomez bukan bersendirian tetapi banyak lagi peristiwa yang sama, malah ada yang lebih buruk sehingga menyebabkan cedera teruk dan kematian serta terdapat penglibatan beberapa orang dalam perlakuan jenayah itu.

+Jelas sekali rakyat Johor berada dalam ketakutan dan sebab itu ada kejadian yang tidak dilaporkan,+ katanya dan menambah kata bahawa kejadian seumpama itu tidak sihat dan tidak harus berlaku dalam sebuah negara demokratik seperti Malaysia kerana hak rakyatnya dilindungi undang-undang.

Mengenai perlunya perkenan Majlis Raja-raja sebelum pindaan Perlembagaan untuk melucutkan kekebalan raja-raja dibuat, beliau berkata: +mungkin kita tidak dapat persetujuan, tetapi akan cari jalan untuk capai tujuan ini+.

Katanya, mungkin akan berlaku krisis antara kerajaan dan istana berikutan cadangan meminda Perlembagaan tetapi beliau yakin terdapat raja-raja yang akan sedar bahawa jenayah seperti itu tidak harus dibiarkan berterusan.

Bagi menjayakan pindaan itu, katanya, para pemimpin UMNO tidak menolak kemungkinan mengadakan lawatan ke seluruh negara seperti yang dilakukannya semasa krisis perlembagaan pada 1983 dan menghantar rombongannya menghadap raja-raja sekiranya gagal mendapat perkenan mereka. -- Lagi.

▼11/12/00-51MST

CNS8790

R GB 11-12 00144 BH487

BAH

Mahathir - UMNO 4 Kuala Lumpur

+InsyaAllah dengan sokongan rakyat, kalau rakyat hendak merasa dilindungi undang-undang, saya percaya kita boleh berjaya,+ katanya.

Dalam hal ini, katanya, apa yang jelas ialah rakyat termasuk parti pembangkang telah memberikan sokongan moral dan sanggup berdiri bersama kerajaan dalam menghadapi apa juga kemungkinan termasuk didakwa kerana mempersoalkan hak raja-raja.

Mengenai ketiadaan kekebalan bagi anak-anak raja dan kerabat mereka, Dr Mahathir berkata, anak Sultan Johor, Tengku Majid Idris, yang didakwa, memukul seorang pemain hoki baru-baru ini, akan didakwa sekiranya ada kes terhadapnya.

Ketika ditanya kemungkinan Tengku Majid diberi pengampunan oleh Sultan Johor kerana baginda mempunyai kuasa pengampunan, beliau berkata, perkara itu akan dikaji.

Semasa menjawab soalan lain, katanya, kerajaan sedang mengenal pasti mereka yang bersubahat dalam perlakuan jenayah Sultan Johor dan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka. -- Lagi.

▼11/12/01-07MST

CNS8793

R GB 11-12 00155 BH488

BAH

Mahathir - UMNO 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir yang diapit oleh Timbalan Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba dan Setiausaha Agung, Datuk Mohamed Rahmat berkata, kerajaan akan terus memberi perlindungan kepada Gomez dan keluarganya selagi beliau berada dalam keadaan bahaya.

+Saya telah memberi jaminan bahawa kerajaan akan memberi perlindungan kepada semua yang menjadi mangsa,+ katanya.

Mengenai kemungkinan usul meminda Perlembagaan dijadikan satu isu politik, beliau yakin perkara itu tidak akan berlaku kerana kali ini rakyat sudah sedar akan kesilapan yang terdapat dalam Perlembagaan

Beliau yang menolak kemungkinan pindaan itu menjadi krisis perlembagaan seperti pada 1983 berkata, krisis tersebut berlaku kerana terdapat beberapa pihak yang tidak bersetuju dengannya tetapi kali ini ia mendapat sokongan seluruh rakyat.

Mesyuarat tergempar MT UMNO itu juga membuat keputusan menghentikan pembukaan cawangan-cawangan baru sehingga pemecahan-kawasan sedia ada ekor persempadanan semula kawasan pilihan raya selesai dijalankan tahun depan. -- Bernama.

11/12/01-18MST